



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# **KERATAN AKHBAR 15 MEI 2017**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# ISU : PEMBAYARAN FAEDAH PERKESO KEPADA PEKERJA

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	15.05.2017 Isnin	<b>UTUSAN MALAYSIA</b> Perkeso bayar faedah RM2.94 bilion tahun lalu	Utusanbiz 18	PERKESO KSM Kementerian Kewangan

## Perkeso bayar faedah RM2.94 bilion tahun lalu

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**  
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 MEI

**P**ERTUBUHAN Keselamatan Sosial (Perkeso) menjangkakan pembayaran faedah kepada pekerja akan terus meningkat 10 peratus setiap tahun dengan tahun lalu menyaksikan pembayaran sebanyak RM2.94 bilion kepada pencarum.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, caruman yang dibayar pada tahun lalu itu menunjukkan peningkatan sebanyak RM200 juta berbanding 2.7 bilion yang dicatatkan pada 2015.

“Jumlah penerima faedah yang berdaftar dengan Perkeso sentiasa meningkat setiap tahun, peningkatan kemalangan pergi dan balik kerja serta kes penyakit tidak berjangkit yang menyebabkan hilang upaya kekal dan kematian semakin tinggi.



**Jumlah penerima faedah yang berdaftar dengan Perkeso sentiasa meningkat setiap tahun, peningkatan kemalangan pergi dan balik kerja serta kes penyakit tidak berjangkit yang menyebabkan hilang upaya kekal dan kematian semakin tinggi.**

**MOHAMMED AZMAN AZIZ MOHAMMED**  
Ketua Eksekutif Perkeso

“Atas dasar itulah Perkeso perlu sentiasa memikirkan perancangan bagi menambah dana pembayaran faedah dengan melabur selagi ia memberi keuntungan kepada kami dan pencarum,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Perkeso merupakan badan ber-

kanun di bawah Kementerian Sumber Manusia yang diamanahkan untuk mentadbir dua skim keselamatan sosial iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan.

Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada pekerja daripada kejadian luar jangka

bencana pekerjaan termasuk penyakit dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan pekerjaan.

Skim Keilatan pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab.

Mohammed Azman memberitahu, pihaknya giat merencana strategi mempertingkat dan memperkukuhkan pelaburan bagi menjamin pengekalan modal untuk tujuan pemberian faedah kepada pekerja di negara ini.

Katanya, Perkeso mendapat mandat daripada Kementerian Kewangan untuk melabur dengan risiko yang rendah tetapi memberi pulangan yang tinggi bagi menjamin pengekalan modal.

“Kami juga baru sahaja mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melabur kira-kira tiga peratus daripada jumlah dana sedia ada dalam ekuiti persendirian.

“Buat masa ini, Perkeso melabur dalam pelbagai aktiviti pela-

buran seperti sekuriti kerajaan, pasaran wang yang memberi pulangan tetap, ekuiti jangka panjang dan hartanah,” katanya.

Perkeso juga tambah belia, sedang meneroka beberapa lagi peluang pelaburan dalam pasaran hartanah untuk menambah portfolio hartanah sedia ada iaitu di KL Sentral dan Putrajaya.

Mohammed Azman berkata, Perkeso sentiasa berhati-hati dalam memilih pelaburan yang tepat iaitu pulangan tidak kurang daripada enam peratus kerana pengekalan modal amat penting kepada agensi berkenaan disebabkan peningkatan jumlah pembayaran faedah tahun ke tahun.

“Saya yakin segala perancangan mengenai pelaburan ini akhirnya akan memberi manfaat kepada pencarum dan mengekalkan tanggungjawab Perkeso membayar faedah kepada setiap pencarum yang berhadapan dengan kemalangan atau kematian,” katanya.